

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENJELASAN BERKAITAN UJIAN MENDENGAR  
BAHASA INGGERIS PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2022**

Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia merujuk kepada perkara berkaitan Ujian Mendengar Bahasa Inggeris (UMBI) peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2022 yang telah dijalankan pada 16 Februari 2023 (Khamis).

Pelaksanaan UMBI SPM tahun 2022 telah membawa kepada tularnya beberapa dakwaan dalam media sosial berkenaan kadar kelajuan pertuturan dan penggunaan *tik tokers* sebagai pelontar suara. Keputusan LP menggunakan bahan audio dan kertas soalan UMBI SPM tahun 2022 dibuat berdasarkan pertimbangan berikut:

- i. LP memaklumkan bahawa format soalan UMBI SPM adalah dalam pelbagai bentuk, iaitu objektif aneka pilihan, objektif pelbagai bentuk dan subjektif respon terhad. Oleh itu, UMBI SPM memerlukan calon mendengar, menganalisis konteks situasi dan memahami maksud keseluruhan bahan audio yang dimainkan.
- ii. LP juga memastikan item atau instrumen yang dibina mencapai tahap kebolehtadbiran, keesahan, kebolehpercayaan dan kewibawaan. Tahap ini diberikan perhatian agar item atau instrumen tersebut adalah adil dan saksama kepada calon.

- iii. Kadar kelajuan pertuturan pelontar suara bagi item atau instrumen adalah berdasarkan aras kompetensi *Common European Framework of References for Languages* (CEFR). Pembinaan item atau instrumen UMBI SPM Tahun 2022 ini berdasarkan kadar kelajuan pertuturan yang tipikal dan standard pertuturan dan perbualan. Di samping itu, aspek autentik pada penutur juga dititikberatkan dalam pembinaan item atau instrumen UMBI SPM tahun 2022 bagi mewujudkan konteks sebenar komunikasi.
- iv. Praujian juga telah diadakan dan melibatkan murid sekolah di pelbagai lokasi sama ada bandar dan luar bandar bagi menentusahkan item atau instrumen adalah sesuai dan mencapai tahap kualiti yang ditetapkan.

Manakala LP juga menafikan penggunaan *tik tokers* sebagai pelontar suara audio UMBI SPM tahun 2022. LP memaklumkan bahawa pelontar suara yang digunakan dalam membina item atau instrumen UMBI SPM Tahun 2022 terdiri dalam kalangan guru, pensyarah, murid sekolah atau penuntut universiti. Pelontar suara merupakan mereka yang berwibawa dalam berbahasa Inggeris. Mereka yang terlibat juga telah diberikan latihan sebelum proses pembinaan item atau instrumen UMBI SPM Tahun 2022.

Sehubungan dengan itu, LP yakin bahawa kualiti bahan audio dan kertas soalan UMBI SPM tahun 2022 kekal utuh. LP akan memastikan kepentingan dan keadilan kepada calon yang menduduki peperiksaan SPM tahun 2022 adalah terjamin.

**-TAMAT-**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
19 FEBRUARI 2023**